

Meningkatkan Kosa Kata, Motivasi dan Keyakinan Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Melalui Program Bahasa Arab

Enhancing Vocabulary, Motivation and Confidence Among Primary School Students Through Arabic Language Program

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi*

Fakulti Sains Kemusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Section Editor:

Nor Junainah Mohd Isa, PhD
Rasyidi Johan, M.Sc

Abstrak

Kajian tindakan ini berkaitan dengan kesan program bahasa Arab dalam meningkatkan kosa kata, motivasi dan keyakinan murid iaitu sebelum dan selepas mengikuti program. Kajian tindakan ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif dan kualitatif. Instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data ialah pemerhatian dan borang soal selidik. Data soal selidik dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Seramai 47 orang murid ialah peserta program "Cintai Bahasa Arab" yang diadakan di sekitar salah sebuah sekolah rendah di Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus telah dipilih dan dijadikan sampel kajian. Walau bagaimanapun, hanya 30 orang responden sahaja yang menjawab dan mengembalikan soal selidik dengan sempurna. Hasil kajian menunjukkan bahawa program Bahasa Arab berjaya memberikan kesan yang baik terhadap peningkatan kosa kata, motivasi dan keyakinan dalam mempelajari bahasa Arab.

Kata Kunci: Program bahasa Arab; kosa kata; motivasi; keyakinan

Abstract

This study examines the effect of Arabic language program in enhancing vocabulary, motivation and confidence of students before and after participating the program. This action study was conducted by applying quantitative and qualitative design. The instruments used for data collection are observation and questionnaire forms. Questionnaire data were analyzed and presented in table form. A total of 47 pupils were chosen as participants in the "Love the Arabic Language" program held at one of the primary schools in Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. However, only 30 respondents answered and returned the questionnaire well. The results showed that the Arabic language program had a good effect in enhancing vocabulary, motivation and confidence in learning Arabic.

Keywords: Arabic language program; vocabulary; motivation; confidence

1. Pengenalan

Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bukanlah suatu perkara yang bersifat kaku atau terkongkong akan tetapi ia merupakan suatu siri perjalanan yang sentiasa memerlukan transformasi mengikut peredaran zaman dan bergantung kepada kadar kemampuan serta kebergunaan kepada manusia (Jamali & Md Isa, 2014). Oleh sebab itu, teknik atau cara yang dilakukan oleh guru-guru sudah tentu berlainan mengikut subjek, matlamat pengajaran, pemuliharaan dan kehendak pihak sekolah. Menurut Kadir et al. (2012), Panitia Bahasa Arab (PBA) juga perlulah mengambil berat akan setiap perubahan yang

berlaku selain mencari solusi bagi mencipta pendekatan terbaik dalam proses PdP seiring dengan keperluan semasa. Melalui pemerhatian awal pengkaji dalam sesi pembelajaran sebelum ini menunjukkan bahawa, kebanyakan murid tahun lima di salah sebuah sekolah rendah di Nilai Negeri Sembilan yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab kurang mengingati perbendaharaan kata dan juga kurang menguasai tatabahasa mudah bahasa Arab di samping kurangnya motivasi serta kesedaran dalam menghayati 'biah Arabiah'. Maka dengan kesedaran ini, Panitia Bahasa Arab dengan kerjasama pihak Panitia Pendidikan Islam telah mengadakan satu

program bahasa Arab di kawasan sekitar sekolah tersebut pada 7 Ogos 2018 yang lalu. Seramai 47 orang murid tahun lima yang terdiri daripada dua buah kelas dan mendapat gred rendah dalam peperiksaan pertengahan tahun yang diadakan sebelum ini telah dipilih untuk mengikuti program ini.

2. Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian berkaitan yang dijalankan oleh para sarjana terhadap program bahasa Arab. Antara kajian berkaitan program bahasa Arab yang menjadi medium sesebuah pembelajaran di luar kelas adalah daripada kajian Hj. Ahmad et al. (2018). Dalam kajian ini, pengkaji membincangkan keperluan program berbahasa Arab bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini juga mengumpul jenis-jenis aktiviti yang dijalankan dalam kem bahasa Arab dan melakukan tinjauan terhadap kesan pelaksanaan aktiviti berkenaan terhadap keyakinan diri pelajar dalam bahasa Arab. Hasil dapatan kajian mendapati, kem bahasa Arab dapat memberikan kesan keyakinan yang positif kepada pelajar dengan menunjukkan kadar peratusan hampir 100% bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Hal ini kerana, mereka yang terlibat dalam kem bahasa perlu menyingkirkan perasaan negatif dalam diri seperti malu, takut dan risau akan kesalahan yang dilakukan.

Kajian Jamali et al. (2017) pula menunjukkan dapatan bahawa, keempat-empat kemahiran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur memerlukan teknik dan cara yang berbeza bagi memastikan pelajar berjaya menguasainya. Hasil kajian mereka juga dapat membuktikan, aktiviti atau program pembelajaran seperti lakonan, aktiviti "snowball" kosa kata Arab dengan berulang kali, aktiviti kad imbas, aktiviti gambar variasi, aktiviti baca senyap dan nyaring dan aktiviti SQ3R (*S-survey, Q-question, R-read, R-recite, dan R-review*) boleh meningkatkan interpretasi yang tinggi bagi keempat-empat kemahiran bahasa Arab. Kajian "Kesan Program Perkhemahan Terhadap Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Arab Pelajar" oleh Abdullah (2015) merupakan sebuah kajian Ijazah Sarjana di Universiti Putra Malaysia yang berkaitan dengan motivasi dan pencapaian pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab sebelum dan selepas mengikuti program perkhemahan bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang membincangkan aspek tahap motivasi dan pencapaian yang diperoleh selepas ujian pra dan pos dilakukan terhadap 35 orang pelajar tingkatan tiga. Kajian ini mempercayai bahawa, pembelajaran berdasarkan program-program atau aktiviti kokurikulum menjadi pemangkin utama kepada peningkatan motivasi dan kecemerlangan pencapaian dalam bahasa Arab.

"Kemahiran Menulis Dalam Bahasa Arab Menerusi Aktiviti 'Jawlah Lughawiyah'" oleh kajian Yahaya et al. (2014) mengkaji kesan aktiviti program

yang diberi nama "Jawlah Lughawiyah" terhadap kemahiran menulis bahasa Arab. Kemahiran menulis ayat-ayat bahasa Arab memerlukan bilangan kosa kata yang banyak dan pengkaji menggunakan ujian pra dan ujian pasca terhadap 15 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah agama. Kajian ini secara umumnya mendapati bahawa, tahap penguasaan kosa kata oleh pelajar dalam kemahiran menulis berjaya ditingkatkan selepas program berkenaan dijalankan. Kajian oleh Kadir et al. (2014) bertajuk "Keberkesanan Kem Bahasa Arab Dalam Meningkatkan Tahap Motivasi Dan Keyakinan Pelajar". Kajian ini adalah bertujuan melihat sejauh mana aras motivasi dan keyakinan pelajar sebelum dan selepas menghadiri program bahasa Arab. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dan kualitatif serta memilih responden seramai 30 orang untuk menyertai Kem Bahasa Arab yang diadakan di Taman Malaysia Seremban, Ng Sembilan Darul Khusus pada 31 Mac - 1 April 2012 yang lalu. Hasil kajian mendapati bahawa, program Bahasa Arab memberikan manfaat kepada pelajar melalui pertambahan minat dan motivasi terhadap kemahiran berbahasa Arab. Sebagai kesimpulannya, berdasarkan kajian-kajian di atas jelaslah bahawa program atau aktiviti bahasa Arab diperlukan bagi meningkatkan kosa kata, motivasi dan keyakinan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.

3. Isu Keprihatinan

Isu keprihatinan yang menjadi masalah utama kajian tindakan ini perlu dilaksanakan melibatkan kosa kata bahasa Arab. Pengkaji mendapati para murid sangat lemah dalam mengaplikasikan variasi kosa kata yang berbeza dan bilangan kosa kata yang melekat di kepala adalah sangat terhad. Kenyataan pengkaji ini disokong oleh kajian Nadwah & Nadhilah (2014), Azman Che Mat & Goh Ying Soon (2010) & Suraya (2011) yang mendapati bahawa, masalah yang terjadi dalam kalangan murid ketika ingin menuntut ilmu bahasa Arab adalah ketidakbolehan dalam mempelbagaikan kosa kata, tidak aktif dalam membentuk aktiviti berbahasa, dan pencapaian yang kurang memberangsangkan ketika bertutur dalam bahasa Arab kerana kurang galakan persekitaran pembelajaran.

Selain itu, semasa sesi pembelajaran di dalam kelas, pengkaji melihat para murid kurang bermotivasi, berkeyakinan dan kurang memberikan perhatian yang serius terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Pandangan pengkaji ini adalah sejajar dengan pandangan Mohamed (2009) & Rim Adil at-Tark (2011) dalam Samah et al. (2013) bahawasanya, pelajar tidak berkeyakinan dan tidak bermotivasi dalam mempelajari bahasa Arab disebabkan faktor dalaman seperti minat, segan, takut, bimbang ditertawakan dan terlalu rendah diri. Kesemua perkara ini berlaku kerana ketidakberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang dijalankan (Ali, 2011). Jika ini berterusan berlaku, perkara ini boleh

menimbulkan masalah dalam penguasaan sesuatu bahasa. Oleh sebab itulah, tindakan ke arah penambahbaikan merupakan cara yang terbaik bagi menyelesaikan masalah-masalah ini. Akhir sekali, kajian tindakan ini adalah relevan bagi murid-murid tahun lima (5) kerana mereka telah mempelajari ilmu bahasa Arab dari tahun 1 lagi hingga tahun 4 (Anismazini, 2014). Apabila mereka sudah memasuki tahun lima sekarang, sepatutnya masalah itu boleh diatasi.

4. Objektif Kajian

Selepas kajian ini selesai dijalankan, murid-murid diharapkan dapat mencapai objektif berikut:

4.1 Umum

Menambah baik pemahaman dan memperbaiki kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

4.2 Khusus

1. Untuk membantu pelajar meningkatkan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab.
2. Untuk memberi motivasi dalam mempertingkatkan kecintaan mereka dalam Bahasa Arab.
3. Untuk mempertingkatkan sifat keyakinan dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab

5. Kumpulan Sasaran

Kumpulan keseluruhan dan sasaran responden dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1.

6. Perancangan Tindakan

Perancangan tindakan berpandukan kepada slot-slot program “Cintai Bahasa Arab” iaitu salah satu program yang julung kali diadakan dalam kalangan murid-murid di salah sebuah sekolah rendah di Nilai, Negeri Sembilan. Sasaran responden ialah murid tahap dua, tahun 5 dan seramai 47 orang responden (dua buah kelas sahaja yang dipilih secara rawak). Program ini dilangsungkan pada 7 Ogos 2018 dan hanya setengah sehari sahaja iaitu dari waktu pagi hingga waktu tengah hari. Kaedah dalam program ini, responden tidak didedahkan dengan bahan-bahan daripada buku teks. Mereka hanya diajar kaedah

menambah perbendaharaan kata bahasa Arab dan perlu bertutur bagi meningkatkan motivasi dan keyakinan berbahasa Arab ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Topik pembelajaran ditumpukan pada situasi di sekolah sahaja. Jadual 2 memaparkan perancangan langkah-langkah untuk menjalankan tindakan ini.

7. Pelaksanaan Tindakan

Dalam pelaksanaan kajian tindakan ini, pengkaji menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kajian tindakan pula menggunakan kaedah tinjauan dan pemerhatian. Teori pelaksanaan kajian tindakan berasaskan program bahasa Arab ini mengambil kira idea yang dikemukakan oleh Bloom, et al. (1956). Berdasarkan teori Taksonomi Bloom, bagi menggapai dapatan pembelajaran yang selaras dengan objektif. Taksonomi Bloom meletakkan tiga aspek utama iaitu kognitif, afektif dan motor-psiko (rujuk Rajah 1). Aspek kognitif digunakan untuk mengukur intelektual menerusi ‘outcome’ atau hasil sesuatu maklumat. Sebagai contohnya bilangan kosa kata yang diingati selepas menghadiri aktiviti pembelajaran. Bagi asas afektif diguna pakai untuk menilai kerohanian dan dalaman seperti motivasi, penghayatan, keyakinan, pengalaman yang diperoleh daripada sesuatu aktiviti pembelajaran. Akhir sekali, aspek motor-psiko pula untuk menilai perkara teknikal, gerak kerja dan perkongsian maklumat sebelum atau selepas sesuatu aktiviti pembelajaran dijalankan (Aqilah Huddin, *et al.*, 2005). Prinsip Program bahasa Arab yang digunakan ini pula, pengkaji mengguna pakai kaedah seperti kajian Yahaya, M.F et al. (2014) iaitu menerapkan Pembelajaran Kolaboratif, Pembelajaran Aktif dan Pembelajaran Kendiri bagi memastikan program berjalan dengan jayanya (rujuk Jadual 2).

Kaedah pengumpulan data pula adalah melalui:


1. Pemerhatian dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung dalam bilik darjah iaitu melalui tindak balas kepada soalan-soalan lisan (rujuk jadual 3) yang diajukan oleh pengkaji (ketika ini pengkaji adalah guru mata pelajaran).
2. Borang soal selidik yang digunakan adalah secara tertutup

Jadual 1. Peserta program Bahasa Arab

Bilangan Keseluruhan Peserta	Jantina	Umur
47 orang peserta (gabungan dua kelas)	25 orang pelajar kelas Tahun 5 Efektif (18 orang lelaki dan 7 orang perempuan)	11 tahun
	22 orang pelajar kelas Tahun 5 Inovatif (9 orang lelaki dan 13 orang perempuan)	

Jadual 2. Slot program “Cintai Bahasa Arab”

Kaedah / Teknik	Masa	Cara Pelaksanaan	Tujuan	Bahan Digunakan/ Alat Bantu Belajar
Penggunaan Teknik 5M (Menyampai, Menyanyi, Meneka, Melukis dan Mewarna)	8.30 a.m – 9.45 a.m	<p>LDK 1 - Menyampai (التَّوَدِيمُ)</p> <p>Slot ini dinamakan ‘Radio Rosak’ dan dijalankan oleh wakil atau ketua kumpulan responden yang dikuarantin sebelum masa bermula akan diberi tugas selama lima minit untuk menghafal ayat atau kalimah Bahasa Arab serta maknanya sekali, seterusnya membisikkan kepada ahli kumpulan yang lain untuk menghafalnya. Salah seorang ahli yang terakhir daripada setiap kumpulan akan tampil ke hadapan dan memberitahu perkara yang telah dibisikkan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melatih daya ingatan responden 2. Melatih kepekaan responden 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cebisan kertas yang ditulis potongan ayat bahasa Arab 2. Mikrofon dan <i>speaker box</i>
	9.45 a.m – 11.00 a.m	<p>LDK 2 - Menyanyi (الغناء)</p> <p>Slot ini dijalankan kepada responden dengan ditayangkan video lagu Bahasa Arab (In Kunta Tafrahu) dan responden akan diajar menyanyikan lagu tersebut menggunakan kertas yang mengandungi lirik lagu sehingga responden benar-benar dapat menghafaznya. Selepas itu, responden akan diajar menyanyikan lagu kanak-kanak dengan iringan muzik untuk mendapatkan rentak dan tempo yang betul. Beberapa perkataan yang dipilih diberi penekanan yang lebih. Responden akan menerangkannya dengan maksud atau pengertian dalam Bahasa Melayu setiap perkataan secara individu dan kumpulan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melatih cara bertutur dengan betul 2. Mengurangkan tekanan 3. Mengelakkan responden kebosanan dan mengantuk 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Slaid projektor 2. Komputer riba 3. <i>Speaker box</i> dan mikrofon
	11.00 a.m – 12.15 p.m	<p>LDK 3 - Meneka (التَّخْمِينُ)</p> <p>Slot ini dijalankan kepada responden dengan ditayangkan video berkaitan haiwan-haiwan versi Bahasa Arab ditayangkan kepada responden sehingga habis, kemudian responden perlu menghafal dan meneka perkataan haiwan dalam Bahasa Arab yang mereka dapat melalui video tersebut di kertas secara kumpulan dan individu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menguji daya ingatan 2. Menambah kosa kata yang jarang ditemui 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kertas A4 2. Pen atau pensel
	12.15 p.m – 1.30 p.m	<p>LDK 4 - Melukis dan Mewarna (الرَّسْمُ وَالْوَسْمُ)</p> <p>Aktiviti untuk slot ini termasuk mencari kalimah di dalam kamus. Responden akan diajar cara mencari perkataan dan slot ini memberi pendedahan cara mencari kalimah-kalimah baru Bahasa Arab di dalam kamus. Fasilitator yang bertugas akan memberikan alat-alat tulis yang akan digunakan untuk mencari perkataan tersebut di dalam kamus, kemudian melukis dan mewarnakannya berserta kalimah Bahasa Arab di dalam kertas.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menambah kemahiran menelaah kosa kata baharu 2. Mencungkil bakat setiap responden 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kertas mahjong 2. Pen penanda 3. Kamus



Rajah 1. Model Taksonomi Bloom (Bloom, *et al.*, 1956)

7.1 Pemerhatian

Terdapat tiga soalan yang digunakan untuk tujuan pemerhatian dan secara keseluruhannya kaedah

pemerhatian ini dibuat sebelum dan selepas program diadakan. Antara soalan yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Senarai soalan lisan

Bilangan	Soalan
1	Senaraikan tiga nama haiwan menggunakan bahasa Arab?
2	Sebutkan maksud setiap perkataan ini: (إِنْسَانُ الْعَاقِبِ ، سِنَجَابٌ ، أَبُو الْحُصَيْنِ ، أَسَدٌ ، ضَبٌّ ، خَشْفَةٌ ، أَيْلٌ ، جَمَارٌ وَحْشِيٌّ ، نَمْرٌ)
3	Bina satu ayat mudah menggunakan perkataan ini (ضَبٌّ ، أَسَدٌ ، أَيْلٌ)

7.2 Soal selidik

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi satu bahagian sahaja iaitu berhubung dengan persepsi murid terhadap bahasa Arab (rujuk Jadual 4). Dalam soal selidik ini, item pertama, kedua, ketiga dan keempat mewakili

pembentukan peningkatan kosa kata. Item kelima, keenam dan ketujuh mewakili pembentukan peningkatan motivasi manakala pembentukan peningkatan keyakinan mewakili item kelapan, kesembilan dan kesepuluh (rujuk Jadual 5).

Jadual 4. Instrumen soal selidik

Bahagian	Tajuk	Bilangan item
A	Persepsi murid terhadap bahasa Arab	10 soalan

Borang soal selidik disediakan dan diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan subjek Bahasa Arab sebelum dan selepas program dilaksanakan. Borang ini perlu diisi oleh responden untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Kesemua 47 orang peserta yang mengikuti program ini dijadikan responden untuk menjawab

soalan dari borang soal selidik. Walau bagaimanapun hanya 30 orang responden sahaja yang mengembalikan borang soal selidik dengan sempurna. Selebihnya borang soal selidik banyak terjadinya ralat seperti ketidaksempurnaan jawapan, menjawab soalan dengan sambil lewa, memberi jawapan yang kurang tepat atau mengelirukan.

Jadual 5. Pembentukan soal selidik

Pembentukan	Item	Teori Bloom
Peningkatan Kosa Kata	Pertama, kedua, ketiga dan keempat	Kognitif
Peningkatan Motivasi	Kelima, keenam dan ketujuh	Afektif
Peningkatan Keyakinan	Kelapan, kesembilan dan kesepuluh	

7.3 Hasil analisa sebelum program

Analisa ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat awal tentang sesuatu kajian. Berikut adalah huraian mengenainya:

- *Pemerhatian*

Berdasarkan pemerhatian terhadap responden didapati responden:

1. Tidak mahu melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan.
2. Tidak mahu menjawab soalan yang diutarakan oleh guru.
3. Kurang fokus pada pembelajaran.
4. Kurang berkomunikasi dengan rakan dalam hal pelajaran.

5. Tiada daya saing dan usaha untuk memajukan diri.

- *Pengumpulan data melalui soal selidik*

Data yang diperoleh akan dikumpulkan secara manual. Untuk memudahkan analisa, pengkaji mengumpulkan skala Setuju dan Tidak Setuju bagi mengetahui jumlah bilangan responden yang menjawab dan peratusan persepsi responden terhadap subjek bahasa Arab sebelum diadakan program. Analisa tinjauan dilakukan bagi menjelaskan jumlah bilangan responden yang menjawab dan peratusan persepsi data. Keputusan pra kajian dapat dilihat dalam jadual di bawah berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada responden disimpulkan bahawa:

Jadual 6. Keputusan pra kajian

Bil.	Item	Setuju	%	Tidak setuju	%
1.	Saya rasa sukar meningkatkan kosa kata bahasa Arab	23	76.6	7	23.3
2.	Saya kurang tahu kaedah meningkatkan kosa kata bahasa Arab	23	76.6	7	23.3
3.	Saya kurang tahu aktiviti meningkatkan kosa kata	23	76.6	7	23.3
4.	Saya kurang melibatkan diri secara aktif semasa belajar meningkatkan kosa kata bahasa Arab	19	63.3	11	36.6
5.	Saya rasa malas belajar bahasa Arab	20	66.6	10	33.3
6.	Saya mudah rasa jemu bila belajar bahasa Arab	18	60.0	12	40.0
7.	Saya kurang bersemangat bila belajar bahasa Arab	16	53.3	14	46.6
8.	Saya kurang yakin bila belajar bahasa Arab	20	66.6	10	33.3
9.	Saya merasakan diri banyak kekurangan bila belajar bahasa Arab	17	56.6	13	43.3
10.	Saya rasa malu bila belajar bahasa Arab	20	66.6	10	33.3

Berdasarkan kepada jadual di atas, item yang pertama “sukar meningkatkan kosa kata”, item kedua “kurang pengetahuan kaedah meningkatkan kosa kata” dan item ketiga “kurang pengetahuan aktiviti meningkatkan kosa kata” adalah sebanyak 23 orang atau 76.6% orang responden bersetuju dan 7 orang atau 23.3% orang responden tidak setuju. Item yang keempat iaitu “kurang melibatkan diri secara aktif semasa belajar meningkatkan kosa bahasa Arab” adalah sebanyak 19 orang atau 63.3% orang responden bersetuju dan 11 orang atau 36.6% orang responden tidak bersetuju. Item kelima, kelapan dan kesepuluh pula menunjukkan 20 orang atau 66.6% orang responden masing-masing menunjukkan aspek “malas”, “kurang yakin” dan “malu” dalam mempelajari bahasa Arab, selebihnya iaitu 33.3% yang mewakili 10 orang responden bersikap positif

terhadap mempelajari bahasa Arab. Item “mudah rasa jemu bila belajar bahasa Arab”, 18 orang atau 60.0% orang responden bersetuju bahawa mereka rasa bosan apabila belajar bahasa Arab manakala 40.0% yang mewakili 12 orang responden lagi tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya, item ketujuh menunjukkan 16 orang atau 53.3% orang responden bersetuju terhadap “ketiadaan semangat apabila mempelajari bahasa Arab” sedangkan 14 orang atau 46.6% orang responden tetap bersemangat untuk mempelajari bahasa Arab. Analisis item yang terakhir mengenai “merasakan diri banyak kekurangan bila belajar bahasa Arab”, seramai 17 atau peratusan mewakili 56.6% orang responden bersetuju tetapi 13 atau 43.3% orang responden sebaliknya. Kesimpulannya, para responden kurang yakin terhadap diri masing-masing

8. Dapatan Kajian

Bahagian ini menerangkan hasil keputusan yang diperolehi dan dianalisis daripada kajian yang telah dilaksanakan. Analisa dimulakan dengan membuat laporan mengenai hasil pemerhatian daripada responden. Seterusnya, bagi penganalisan data yang lain pula terdiri daripada hasil jawapan soal selidik yang dijawab dan huraian terperinci serta peratusan laporan secara tinjauan.

8.1 Pemerhatian

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian. Pemerhatian ini telah dibuat semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam program, melalui tindak balas sekali lagi kepada soalan-soalan yang diajukan (rujuk jadual 3) oleh pengkaji (ketika ini pengkaji adalah guru mata

pelajaran), selepas aktiviti-aktiviti dalam program dibuat dan secara keseluruhannya kaedah pemerhatian ini dibuat semasa serta selepas program diadakan. Berdasarkan pemerhatian terhadap murid didapati murid:

1. Mahu melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan
2. Menjawab soalan yang diutarakan oleh fasilitator.
3. Fokus pada pembelajaran bagi slot-slot program
4. Berkomunikasi dengan rakan dalam hal pelajaran.
5. Ada daya saing dan usaha untuk memajukan diri.

8.1 Pengumpulan data melalui soal selidik

Analisa tinjauan dilakukan bagi menjelaskan keputusan pasca kajian dapat dilihat dalam jadual di bawah berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada responden disimpulkan bahawa:

Jadual 7. Keputusan pos/pasca kajian

Bil.	Item	Setuju	%	Tidak setuju	%
1.	Saya rasa sukar meningkatkan kosa kata bahasa Arab	8	26.6	22	73.3
2.	Saya kurang tahu kaedah meningkatkan kosa kata bahasa Arab	8	26.6	22	73.3
3.	Saya kurang tahu aktiviti meningkatkan kosa kata	8	26.6	22	73.3
4.	Saya kurang melibatkan diri secara aktif semasa belajar meningkatkan kosa kata bahasa Arab	6	20.0	24	80.0
5.	Saya rasa malas belajar bahasa Arab	5	16.6	25	83.3
6.	Saya mudah rasa jemu bila belajar bahasa Arab	3	10.0	27	90.0
7.	Saya kurang bersemangat bila belajar bahasa Arab	3	10.0	27	90.0
8.	Saya kurang yakin bila belajar bahasa Arab	5	16.6	25	83.3
9.	Saya merasakan diri banyak kekurangan bila belajar bahasa Arab	4	13.3	26	86.6
10.	Saya rasa malu bila belajar bahasa Arab	5	16.6	25	83.3

Berdasarkan kepada jadual di atas, item yang pertama “sukar meningkatkan kosa kata”, kedua “kurang pengetahuan kaedah meningkatkan kosa kata” dan ketiga “kurang pengetahuan aktiviti meningkatkan kosa kata” adalah sebanyak 8 orang atau 26.6% orang responden bersetuju dan 22 orang atau 73.3% orang responden tidak setuju. Item yang keempat iaitu “kurang melibatkan diri secara aktif semasa belajar meningkatkan kosa bahasa Arab” adalah sebanyak 6 orang atau 20% orang responden bersetuju dan 24 orang atau 80% orang responden tidak bersetuju. Item kelima, kelapan dan kesepuluh pula menunjukkan 5 orang atau 16.6% orang responden masing-masing menunjukkan aspek “malas”, “kurang yakin” dan “malu” dalam belajar bahasa Arab selebihnya iaitu 83.3% yang mewakili 25

orang responden adalah sebaliknya bersetuju terhadap belajar bahasa Arab. Item “mudah rasa jemu bila belajar bahasa Arab”, 3 orang atau 10% orang responden bersetuju bahawa mereka “rasa bosan apabila belajar bahasa Arab” manakala 90% yang mewakili 27 orang responden lagi tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya, item ketujuh menunjukkan 3 orang atau 10% orang responden bersetuju terhadap “ketiadaan semangat bila belajar bahasa Arab” sedangkan 27 orang atau 90% responden “tetap bersemangat untuk belajar bahasa Arab”. Analisa item yang terakhir mengenai “merasakan diri banyak kekurangan bila belajar bahasa Arab”, seramai 4 atau peratusan mewakili 13.3% orang responden bersetuju tetapi 26 atau 86.6%

orang responden sebaliknya. Kesimpulannya, para responden sangat yakin terhadap diri masing-masing.

9. Rumusan Dapatan Kajian

Jadual 8 menunjukkan perbandingan peratusan setuju dan tidak setuju melalui pra kajian dan pasca kajian. Kejayaan program bahasa Arab ini menunjukkan peningkatan yang agak ketara. Contohnya, semasa pra kajian, dapatan peningkatan kosa kata menunjukkan 23 orang murid atau 76.6% bersetuju terhadap “kurang pengetahuan terhadap kaedah meningkatkan kosa kata” manakala pasca kajian mendapati seramai 8 orang atau 26.6% orang responden bersetuju terhadap “kurang pengetahuan terhadap kaedah meningkatkan kosa kata”. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Yahaya et al. (2014) & Jamali et al. (2017) yang menyatakan bilangan kosa kata murid akan bertambah dan gaya menulis, membaca, bertutur serta mendengar semakin baik selepas program dijalankan berbanding sebelum program.

Bagi dapatan peningkatan motivasi pra kajian menunjukkan murid yang malas belajar bahasa

Arab ialah seramai 20 orang murid atau 66.6% bersetuju manakala pasca kajian menunjukkan seramai 5 orang murid atau 16.6% bersetuju dengan sikap malas tersebut. Dapatan kajian ini disokong dengan kajian Kadir et al. (2014) & Abdullah (2015) yang berpandangan bahawa, peningkatan motivasi dan minat sangat bersinambungan dengan aktiviti kokurikulum atau aktiviti program bahasa Arab serta menjadi asbab kepada kecemerlangan kemahiran bahasa Arab.

Akhir sekali, dapatan peningkatan keyakinan pra kajian bagi murid yang merasakan diri banyak kekurangan apabila belajar bahasa Arab menunjukkan seramai 17 orang murid atau 56.6% bersetuju manakala pasca kajian pula, seramai 4 orang murid atau 13.3% bersetuju terhadap pernyataan tersebut. Menurut Hj. Ahmad et al. (2018), murid yang mengikuti program atau aktiviti bahasa Arab terpaksa mengikis sifat-sifat negatif dalam diri mereka bagi menyertai anjuran-anjuran slot yang ditetapkan. Secara tidak langsung perkara ini dapat mendidik murid untuk terus belajar tentang bahasa Arab.

Jadual 8. Perbandingan pra kajian dan pasca kajian

Bil.	Item	Pra				Pasca			
		Setuju	%	Tidak setuju	%	Setuju	%	Tidak setuju	%
1.	Saya rasa sukar meningkatkan kosa kata bahasa Arab	23	76.6	7	23.3	8	26.6	22	73.3
2.	Saya kurang tahu kaedah meningkatkan kosa kata bahasa Arab	23	76.6	7	23.3	8	26.6	22	73.3
3.	Saya kurang tahu aktiviti meningkatkan kosa kata	23	76.6	7	23.3	8	26.6	22	73.3
4.	Saya kurang melibatkan diri secara aktif semasa belajar meningkatkan kosa kata bahasa Arab	19	63.3	11	36.6	6	20.0	24	80.0
5.	Saya rasa malas belajar bahasa Arab	20	66.6	10	33.3	5	16.6	25	83.3
6.	Saya mudah rasa jemu bila belajar bahasa Arab	18	60.0	12	40.0	3	10.0	27	90.0
7.	Saya kurang bersemangat bila belajar bahasa Arab	16	53.3	14	46.6	3	10.0	27	90.0
8.	Saya kurang yakin bila belajar bahasa Arab	20	66.6	10	33.3	5	16.6	25	83.3
9.	Saya merasakan diri banyak kekurangan bila belajar bahasa Arab	17	56.6	13	43.3	4	13.3	26	86.6
10.	Saya rasa malu bila belajar bahasa Arab	20	66.6	10	33.3	5	16.6	25	83.3

10. Refleksi

Secara keseluruhannya, hasil pelaksanaan program bahasa Arab ini dianggap berjaya menggapai objektif yang disasarkan kerana memperlihatkan kesan yang baik iaitu peningkatan kosa kata, peningkatan

motivasi dan peningkatan keyakinan responden terhadap subjek bahasa Arab. Walaupun peratusan peserta yang bersetuju bahawa aktiviti yang dijalankan dalam program boleh menjadi salah satu cara penyelesaian bagi permasalahan pembelajaran

bahasa Arab yang dihadapi oleh mereka adalah mendapat peratusan yang tinggi, namun pengkaji berkeyakinan tinggi bahawa, program bahasa Arab dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah pembelajaran bahasa Arab jika aktiviti-aktiviti dalam program dipelbagaikan, dirancang dan waktu pelaksanaan program juga dipanjangkan.

11. Cadangan Tindakan Seterusnya

Hasil daripada pemerhatian dan dapatan yang diperoleh semasa menjalankan kajian ini, terdapat beberapa cadangan untuk kajian tindakan seterusnya. Antaranya ialah:

1. Cadangan tentang kajian seterusnya untuk meneliti kemahiran-kemahiran berbahasa Arab seperti menulis, membaca, bertutur dan mendengar untuk disesuaikan dengan aktiviti-aktiviti dalam program bahasa Arab seiring dengan masalah yang dijumpai.
2. Cadangan tentang kajian seterusnya meneliti modul yang boleh digunakan dalam program bahasa Arab untuk pelbagai peringkat dengan disesuaikan masalah yang dijumpai seperti modul program bahasa Arab untuk murid sekolah rendah, pelajar sekolah menengah dan pelajar peringkat universiti.
3. Cadangan akhir ialah mengumpul setiap penemuan permasalahan dan cara penyelesaiannya sebagai rujukan dan panduan kepada warga pendidik pada masa akan datang.

Rujukan

Abdullah, Z. (2015) Kesan program perkhemahan terhadap motivasi dan pencapaian Bahasa Arab pelajar. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Ali, R. (2011). Enhancing Digital Education in Terengganu: The Ti_Man Approach.

Anismazini Mohd Zin. (2014). Permainan Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sebuah Sekolah Rendah di Klang. Tesis Sarjana: Universiti Malaya

Aqilah B. Huddin, W. M. Diyana W. Zaki, Aini Hussain Hafizah Husain & Nor Fadzilah Abdullah. (2005). Pelaksanaan penggunaan Taksonomi Bloom bagi mengukur kesesuaian tahap dan menjamin keberkesanan outcome kursus. Universiti Kebangsaan Malaysia (atas talian). www.ukm.my/p3k/images/sppb08/b/1.pdf (Retrieved on: 31 Oktober 2013).

Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (2010). Kegunaan Transliterasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(2), 19-35.

Bloom, B. S., Engelhart, M. D., Furst, E. J., Hill, W. H., & Krathwohl, D. R. (1956). Taxonomy of Educational Objectives: The classification of educational goals. New York: David McKay.

Hj. Ahmad, S., Zainal, H. & Abu Bakar, K. (2018). Kem Bahasa Arab Sebagai Medium Pemantapan

Kemahiran Bahasa Arab. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2(5), 1-10, e-ISSN: 2289-8042

Jamali, H.N, Abdul Rahman, Awatif., Ku Azizan, K.F. & Md Isa, N. (2017). Pemantapan Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Melalui Kajian Tindakan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue, 1-15.

Jamali, H.N & Md Isa, S.N. (2014). Aplikasi Teknik Pembelajaran Pantas dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *GSE E-Journal of Education*. 2(2), 1-11, E-ISSN: 2289-6880

Kadir, K., Ahmad, S.Z, Hashim, U.H, Osman, K., & Mustapha, N.S. (2014). Keberkesanan Kem Bahasa Arab Dalam Meningkatkan Tahap Motivasi dan Keyakinan Pelajar. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA, ISBN 9789675478789

Kadir, K, Hashim, U.H. & Ismail, Z. (2012). Klinik Bahasa Arab: Langkah Meningkatkan Prestasi Guru dan Pelajar Bagi Menyelesaikan Masalah Pengusaan Bahasa Arab. Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012 disunting oleh: Ezad Azraai Jamsari, Zamri Arifin, Mohd. Al Adib Samuri, Mohd. Zamro Muda, Ahmad Munawar Ismail, Muhamad Razak Idris, Hakim Zainal, Roziah Sidik @ Mat Sidek, Muhamad Faisal Asha'ari, Salasiah Hanin Hamjah, Fadlan Mohd Othman, Latifah Abdul Mohamed, A. B. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1).

Nadwah, D., & Nadhilah, A. P. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(February), 117-133.

Samah, R. et al. (2013). Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 13(2), 99-116.

Rim Adil al-Turk. (2011). Iktisab Maharah Muhadathah li al-Natiqin bi Ghayr al-Arabiyyah bi Istiratijiyah Lubiyah: Tamthil Adwar Namuzajan. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011, 310-319.

Yahaya, M.F., Nasir M.S., Wan Omar, W.A.H., Halim, Z.A & Sweedan, E.N. (2014). Kemahiran Menulis Dalam Bahasa Arab Menerusi Aktiviti 'Jawlah Lughawiyah'. *Issues in Language Studies*, 1(3), 1-18

Majid, Moktar Hussain, Suhaila Zailani @ Ahmad, Hasbi Mat Harun & Mohd Faizal Khatab © Fakulti Pengajian Islam, UKM, ISBN 978-967-5478-47-5(2012), <http://www.ukm.my/fpipts/online%20proceedings.html>

Citation

Mohd Nawi, M. Z. (2020). Enhancing Vocabulary, Motivation and Confidence Among Primary School Students Through Arabic Language Program. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 1(1), 1-10. <https://doi.org/10.37134/esss.vol1.1.1.2020>